

Ruj. Kami : PMS/UP/656-3 Jld.2/(30)

Tarikh : 28 Mac 2001

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah Dan
Wilayah Persekutuan Labuan.

Semua Ketua Jabatan Badan Berkanun Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BILANGAN 6 TAHUN 2001**

PERATURAN PENGURUSAN PENGGUNAAN DAN PENYENGGARAAN KENDERAAN KERAJAAN

Adalah saya dengan hormatnya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa didalam pemerhatian pejabat ini, masih ada Jabatan-Jabatan dan Agensi-Agensi Persekutuan yang gagal mematuhi garis panduan dan peraturan-peraturan yang dikeluarkan melalui Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan yang menyentuh mengenai pengurusan penggunaan dan penyenggaraan kenderaan Kerajaan.

3. Diantara amalan-amalan yang tidak mematuhi garis panduan dan peraturan-peraturan yang berkaitan ialah seperti berikut:-

- (a) Tidak mengadakan Rekod Pusat Kenderaan;
- (b) Tidak mewujudkan tanda Jabatan pada kenderaan;
- (c) Tidak menyimpan atau menempatkan kenderaan dibawah perlindungan atau di kawasan pejabat semasa tidak digunakan untuk tujuan rasmi;
- (d) Kenderaan Kerajaan digunakan untuk tujuan dan urusan bukan rasmi;

(e) Buku Log diselenggara secara tidak sempurna dan tidak lengkap.

4. Sehubungan dengan perkara-perkara yang disebutkan di atas, sayugia dinasihatkan supaya pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan dapat mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1985, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1993, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 1997 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1999.

5. Diatas segala perhatian dan sokongan Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan dalam memberikan kerjasama untuk mematuhi sepenuhnya Pekeliling-Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan dengan pengurusan, penggunaan dan penyenggaraan kenderaan Kerajaan amatlah disanjung dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ’

Saya yang menurut perintah,

T.T
(DATUK DR. ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI)
Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah.